



Pemotongan Rumput



Pengikatan



Pengeringan Rumput



Penyimpanan

PENGELUARAN HAY (Rumput Kering)



**JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN
DAN PERUSAHAAN TERNAK
SABAH**

Tel: 088-287400; Fax: 088-238418
Laman Web: <http://www.sabah.gov.my/hwan>

“Pertanian Adalah Perniagaan”

PEMBUATAN DAN PENGGUNAAN HAY (RUMPUT KERING) SEBAGAI MAKANAN LEMBU TENUSU DI SPT SEBRANG, KENINGAU

1. PENDAHULUAN

Satu fenomena yang selalu berlaku terhadap ternakan di daerah tropika adalah bahawa terdapat ketersediaan rumput yang berlebihan pada musim hujan. Keadaan seperti ini menyebabkan produktiviti ternakan 'naik-turun' dan tidak stabil sehingga menjejaskan pendapatan penternak. Beberapa kaedah boleh digunakan untuk mengatasi masalah tersebut:-

- i. Konservasi rumput yang berlebihan pada waktu hujan (*hay* dan silaj).
- ii. Penggunaan makanan tambahan (PKC, habuk padi, habuk jagung dan lain-lain)
- iii. Penggunaan hasil-hasil sampingan pertanian dan
- iv. Penggunaan makanan konsentrat.

Antara kaedah yang tersebut di atas yang paling murah adalah kaedah konservasi rumput (*hay* dan silaj).

2. HAY

Hay adalah rumput yang telah dikeringkan tanpa banyak penurunan nilai gizi dan bahan keringnya. *Hay* yang baik boleh tahan disimpan dalam tempoh yang lama, tidak berkulat, berwarna seperti alamnya dan disukai oleh ternakan.

3. KAEDAH PEMBUATAN HAY

Kaedah biasa yang digunakan adalah dengan memotong rumput yang ingin dibuat *hay*, membiarkannya kering di bawah sinar matahari kemudian dikumpulkan dan diikat. Selepas diikat ianya disimpan dalam stor makanan. Kadar kelembapan dalam *hay* yang diinginkan adalah antara 14% - 15% agar ianya tahan lama dalam penyimpanan.

4. PENGGUNAAN JENTERA DALAM PEMBUATAN HAY

Penggunaan jentera semata-mata bertujuan untuk mempercepatkan dan memudahkan kerja-kerja pemotongan, pengumpulan dan pengikatan. Sebuah jentera pemotong rumput boleh memotong rumput dalam masa 30 minit/ekar, sementara itu sebuah jentera pengumpul dan pengikat *hay* boleh menghasilkan di antara 3 – 4 ikatan/minit. (1 ikatan = 20 kg).

5. PRODUKSI HAY

Produksi *hay* untuk setiap satu ekar kawasan tanaman rumput bergantung kepada jenis rumput, umur pemotongan, pembajaan dan kesuburan tanah. Berikut adalah produksi *hay* setiap seekar untuk beberapa jenis rumput:-

- i. Rumput *Brachiaria* (80 ikat @20kg/ikat)
- ii. Rumput *Setaria* (100 ikat@25kg/ikat)
- iii. Rumput *Guinea* (100 ikat @25kg/ikat)

6. FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KUALITI HAY

Beberapa faktor telah diketahui akan mempengaruhi kualiti *hay* yang dihasilkan. Mulai daripada pemotongan rumput hinggalah ianya dikeringkan untuk disimpan akan terjadi penurunan dalam kandungan bahan kering serta penurunan mutu dan nilai gizinya disebabkan oleh:-

- i. Proses respirasi dan fermentasi
- ii. Kerosakan semasa pemotongan dan penanganan
- iii. Cuaca yang kurang baik
- iv. Umur rumput yang dipotong
- v. Pembajaan

Faktor-faktor ini perlu diambil kira agar penurunan kualiti ini dapat dikurangkan.

7. PENGGUNAAN HAY

Pemberian *hay* pada anak lembu yang masih muda boleh meransangkan perkembangan rumen (perut besar) agar cepat berfungsi seperti rumen lembu dewasa. Masalah perut besar pada anak-anak lembu yang masih muda boleh dielakkan dengan penggunaan *hay* dalam ransum anak lembu tersebut. Pada lembu dewasa penambahan *hay* dalam ransum boleh membantu mengatasi masalah kekurangan bahan kering terutama pada lembu yang diberikan makanan rumput yang terlalu muda. Pemberian *hay* juga boleh membantu mengatasi masalah kekotoran ternakan yang cair. Selain daripada penggunaan tersebut di atas, *hay* selalunya hanya digunakan pada musim kemarau dimana rumput hijau sangat terhad dan tidak mencukupi. Sebaiknya penggunaan *hay* dicampurkan dengan urea dan molases.